Pusat Jagaan Warga Emas ialah kemudahan kebajikan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan, penginapan (jika berkenaan), pemantauan kesihatan serta aktiviti sosial kepada warga emas bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kualiti hidup mereka.

H. Kemudahan Tanah Lapang, Sukan dan Rekreasi

Negeri Johor mempunyai keseluruhan kawasan lapang dan rekreasi seluas 3,827.18 hektar yang terdiri daripada tanah lapang, kawasan hijau, dan kemudahan sukan dan rekreasi. Aktiviti rekreasi terbahagi kepada dua (2) iaitu aktif dan pasif. Rekreasi aktif melibatkan aktiviti yang memerlukan tenaga dan pergerakan yang aktif.

I. Kawasan Lapang

Terdapat 6 kategori herarki kawasan lapang iaitu taman negeri, taman bandaran, taman tempatan, padan permainan, taman permainan / taman kejiranan dan lot permainan

Jadual 2.201: Hierarki Kawasan Lapang

Sumber : Pihak Berkuasa Tempatan, 2026

Daerah	Taman Negeri		Taman Bandaran		Taman Tempatan		Padang Permainan		Taman Permainan / Taman Kejiranan		Lot Permainan	
	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)
Johor Bahru	2	19.94	2	157.94	5	70.00	229	198.16	63	151.54	693	203.59
Kulai	0	0	1	8.13	1	1.57	66	49.18	177	46.86	105	29.80
Kota Tinggi	0	0	0	0	0	0	79	82.63	3	0.85	195	77.00
Pontian	0	0	0	0	0	0	5	3.62	1	0.88	6	0.56
Kluang	0	0	4	35.98	0	0	51	27.23	16	12.12	396	113.55
Batu Pahat	0	0	0	0	0	0	27	12.26	96	48.15	215	61.30
Muar	0	0	0	0	0	0	217	59.55	1	3.97	440	45.16
Tangkak	0	0	0	0	0	0	220	54.89	3	1.29	14	1.81
Segamat	0	0	0	0	0	0	47	37.89	6	5.98	307	54.53
Mersing	0	0	0	0	0	0	19	15.55	1	1.25	65	21.45
Jumlah	**2**	**19.94**	**7**	**202.05**	**6**	**71.57**	**960**	**540.96**	**367**	**272.89**	**2,436**	**608.75**

II. Sukan dan Rekreasi

Terdapat 2 kategori jenis sukan dan rekreasi iaitu kompleks sukan dan stadium

Jadual 2.202: Taburan Sukan dan Rekreasi

Sumber : Pihak Berkuasa Tempatan, 2026

Daerah	Kompleks Sukan		Stadium		Jumlah	Hektar
	Bil	Keluasan (Hek)	Bil	Keluasan (Hek)		
Johor Bahru	10	28.04	7	38.60	**17**	**66.64**
Kulai	2	20.00	0	0	**2**	**20.00**
Kota Tinggi	3	24.34	8	9.13	**11**	**33.47**
Pontian	0	0	1	2.45	**1**	**2.45**
Kluang	2	13.65	1	0.85	**3**	**14.50**
Batu Pahat	2	6.56	0	0	**2**	**6.56**
Muar	1	6.12	9	12.54	**10**	**18.66**
Tangkak	2	2.61	1	0.35	**3**	**2.96**
Segamat	2	0.40	1	4.30	**3**	**4.70**
Mersing	0	0	1	2.42	**1**	**2.42**
Jumlah	**24**	**102**	**29**	**70.60**	**53**	**172.00**





Catatan:
Sempadan 3 batu nautika

Rajah 2.177:
Pelan Taburan Tanah Lapang, Sukan dan Rekreasi
Sumber : Pihak Berkuasa Tempatan, 2026

Petunjuk

- Perumahan
- Tanah Lapang
- Sukan dan Reakreasi
- Kawasan Hijau

Lain - Lain

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Kereta Api Sedia Ada

2.18 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN ORANG ASLI NEGERI JOHOR

TERAS 4
SEJAHTERA JOHOR
Menjamin Keselamatan Dan Kesejahteraan Sosial Johor

A. Profil Luar Bandar

Petempatan luar bandar di Malaysia ialah kawasan selain bandar yang terdiri daripada Pekan, Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) dan Kampung, yang berfungsi sebagai pusat kediaman, aktiviti ekonomi serta penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar. Hierarki luar bandar yang paling tinggi adalah Pekan diikuti PPD dan paling rendah hierarki adalah kampung yang mempunyai jenis petempatan kampung yang berbeza.

Profil Luar Bandar Di Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor

Kriteria	Pekan		Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	Kampung
Penduduk	< 10,000 orang		< 2,500 orang	< 1,000 orang
Kepadatan Penduduk	101 - 150 orang/km²		51 - 100 orang/km²	< 50 orang/km²
Pusat Pentadbiran Dan Fungsi Sokongan				
Fungsi	Pusat perkhidmatan utama luar bandar yang menyokong aktiviti ekonomi, pentadbiran dan perdagangan.		Pusat pertumbuhan perantaraan yang menyediakan kemudahan harian kepada beberapa kampung.	Petempatan asas penduduk luar bandar yang menjadi kawasan kediaman dan aktiviti ekonomi primer.
Fungsi Sokongan	Pejabat kerajaan, bank, balai polis, bomba, klinik kesihatan, sekolah menengah, pasar awam, terminal bas, stesen minyak		Sekolah rendah, klinik desa/kesihatan, masjid, dewan orang ramai, kedai runcit, medan selera, pejabat pos mini.	Surau, tadika/KEMAS, balai raya, gelanggang sukan, utiliti asas.
Kategori	A	5,001 – 10,000	-	-
	B	3,001 – 5,000		
	C	1,501 – 3,000		
	D	< 1,500		
Jumlah	53		44	2,621



Kampung Sedili Kechil, Kota Tinggi



Catatan:

Sempadan 3 batu nautika

Rajah 2.178:

Pelan Taburan Hierarki Luar Bandar

Sumber : Kajian Rancangan Struktur Negeri Johor 2040 (Kajian Semula)

Petunjuk

Jenis Petempatan Kampung

- Kampung Tradisional
- Kampung Tersusun
- Kampung Nelayan
- Kampung Baru
- Kampung Orang Asli
- Kampung Ladang/Estet

Petempatan Tanah Rancangan

- FELDA
- FELCRA
- RISDA

Hierarki Luar Bandar

- Pekan
- Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Lain - Lain


- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Kereta Api Sedia Ada

B. Pekan

Pekan merupakan petempatan kecil bercirikan bandar di kawasan luar bandar dengan jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang. Pekan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan tempatan yang menyediakan kemudahan asas, perkhidmatan sosial, aktiviti ekonomi harian serta menyokong kawasan kampung sekitarnya. Pekan lazimnya berkembang di lokasi strategik dan dikategorikan kepada empat (4) kategori berdasarkan jumlah penduduk, jarak dan komponen pembangunan/ jenis aktiviti dijalankan.

Jenis dan Kategori Pekan

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara



1. Kategori, Fungsi dan Taburan Pekan di Negeri Johor


Kategori Pekan di Negeri Johor

Pekan yang telah diklasifikasikan dalam 10 daerah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 pekan dikategorikan sebagai Kategori A, 3 pekan Kategori B, 21 pekan Kategori C dan 24 pekan Kategori D berdasarkan hierarki dan jumlah tampungan penduduk.

Jadual 2.203: Kategori Pekan Di Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

No.	Daerah	Kategori Pekan				Jumlah
		A	B	C	D	
1	Johor Bahru	0	0	0	0	**0**
2	Kulai	0	0	2	1	**3**
3	Kota Tinggi	0	0	6	3	**9**
4	Pontian	0	0	1	6	**7**
5	Kluang	1	0	3	2	**6**
6	Batu Pahat	1	1	1	2	**5**
7	Muar	1	1	4	5	**11**
8	Tangkak	0	0	0	3	**3**
9	Segamat	1	0	4	2	**7**
10	Mersing	1	1	0	0	**2**
JUMLAH		**5**	**3**	**21**	**24**	**53**



2. Fungsi Pekan di Negeri Johor

Pekan merupakan pusat pertumbuhan luar bandar yang berfungsi sebagai pemacu pembangunan ekonomi, penyediaan kemudahan prasarana, pembangunan modal insan serta pusat perkhidmatan kepada kawasan petempatan sekitarnya. Selain itu, pekan memainkan peranan strategik dalam memperkukuh hubungan bandar dan luar bandar melalui penyediaan fungsi ekonomi, sosial dan perkhidmatan yang menyokong pembangunan luar bandar secara inklusif, berdaya huni dan mampan.

Jadual 2.204 : Perincian Komponen Pembangunan Pekan Mengikut Kategori

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Komponen Pembangunan Pekan	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
Pembangunan Ekonomi	Pasar Mini	√	√	√	
	Perniagaan runcit makanan dan minuman	√	√	√	√
	Perniagaan runcit peralatan rumah	√	√	√	√
	Perniagaan runcit peralatan kenderaan	√	√	√	
	Perniagaan runcit peralatan pertanian	√	√	√	√
	Kedai cenderamata	√	√		
	Pasar / gerai / bazar	√	√	√	√
	Pasar tani / pasar malam / pasar sehari	√	√	√	√
	Restoran	√	√	√	√
	Medan Selera	√	√		
	Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	√	√		
	Pusat pengumpulan hasil pertanian	√	√	√	
	Stesen minyak	√	√	√	
	Syarikat insurans	√			
	Pengurup wang	√			
	Hotel / rumah tumpangan	√	√		
	Internet cafe	√	√	√	
Kemudahan Prasarana	Jalan raya	√	√	√	√
	Bekalan elektrik dan air	√	√	√	√
	Perkhidmatan telekomunikasi	√	√	√	√
	Stesen bas/Kereta api/Terminal Bot/Feri	√	√		
	Hentian bas	√	√	√	√




Kampung Tanjung Langsat, Pasir Gudang

Jadual 2.204: Perincian Komponen Pembangunan Pekan Mengikut Kategori *(Sambungan...)*

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Komponen Pembangunan Pekan	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
Pusat Perkhidmatan	Institusi pengajian tinggi	√	√		
	Sekolah menengah/SMJK	√	√	√	
	Sekolah rendah/SRA/SRJK	√	√	√	√
	Tadika/Tabika	√	√	√	√
	Masjid/Kuil/Tokong/Gereja	√	√	√	√
	Surau	√	√	√	√
	Tanah perkuburan	√	√	√	√
	Klinik kesihatan	√	√	√	
	Klinik desa	√	√	√	√
	Balai polis	√	√	√	√
	Balai bomba	√	√	√	
	Dewan serbaguna/Dewan orang ramai	√	√	√	
	Balai raya	√	√	√	√
	Taman tempatan/Taman kejiranan	√	√		
	Padang permainan/Kemudahan Sukan			√	√
	Bank	√	√		
	Ejen bank berdaftar			√	√
	Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI)	√	√	√	√
Pembangunan Modal Insan	Pusat Komuniti Desa (PKD)	√	√	√	√
	Program pemulihan dalam komuniti (PDK)	√	√	√	√
	Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	√	√	√	√



Kampung Nelayan Air Masin, Pontian

3. Taburan Pekan Mengikut Kategori Di Negeri Johor

Taburan 53 buah pekan di Negeri Johor menunjukkan dominasi Pekan Kategori C dan D sebagai pusat perkhidmatan tempatan, manakala Pekan Kategori A dan B berperanan sebagai pusat pertumbuhan dan perkhidmatan utama kepada kawasan sekitarnya.

Jadual 2.205 : Taburan Pekan Mengikut Kategori Di Negeri Johor


Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Nama Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
Kulai	1. Sedenak			√	
	2. Seelong			√	
	3. Ayer Bemban				√
Jumlah				2	1
Kota Tinggi	1. Sungai Rengit			√	
	2. Teluk Sengat			√	
	3. Tanjung Sedili			√	
	4. Sri Perani			√	
	5. Petri Jaya			√	
	6. Bandar Mas			√	
	7. Teluk Ramunia				√
	8. Pengerang				√
	9. Sedili Besar				√
Jumlah				6	3
Pontian	1. Benut			√	
	2. Ayer Baloi				√
	3. Kukup				√
	4. Sanglang				√
	5. Parit Sikom				√
	6. Kayu Ara Pasong				√
	7. Serkat				√
Jumlah				1	6
Kluang	1. Layang-Layang	√			
	2. Renggam			√	
	3. Sri Lalang			√	
	4. Machap			√	
	5. Chamek				√
	6. Kahang				√
Jumlah		1		3	2
Batu Pahat	1. Senggarang	√			
	2. Parit Yaani		√		
	3. Sri Medan			√	
	4. Semerah				√
	5. Kangkar Baru				√
Jumlah		1	1	1	2

Jadual 2.205 : Taburan Pekan Mengikut Kategori Di Negeri Johor *(Sambungan...)*

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Nama Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
Muar	1. Bukit Pasir	√			
	2. Gerisik		√		
	3. Sungai Mati			√	
	4. Sagil			√	
	5. Kundang Ulu			√	
	6. Parit Jawa			√	
	7. Parit Bakar				√
	8. Panchor				√
	9. Bukit Kepong				√
	10. Lenga				√
	11. Bukit Kangkar				√
Jumlah		1	1	4	5
Tangkak	1. Sengkang				√
	2. Serom				√
	3. Kebun Baharu				√
Jumlah					3
Segamat	1. Bekok	√			
	2. Gemas Baharu			√	
	3. Batu Anam			√	
	4. Ayer Panas			√	
	5. Tenang Station			√	
	6. Jabi				√
	7. Sungai Karas				√
Jumlah		1		4	2
Mersing	1. Endau	√			
	2. Jemaluang		√		
Jumlah		1	1		
Jumlah Pekan Mengikut Kategori		5	3	21	24
Jumlah Keseluruhan Pekan		53			



Pekan Endau, Mersing

4. Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan Pekan

Secara keseluruhan, majoriti pekan mengikut kategori A,B, C dan D telah mempunyai tahap kefungsian komponen dan aktiviti pembangunan pekan melebihi 50.0%. Tahap kefungsian pekan bagi keseluruhan pekan di Negeri Johor adalah 69.8% dengan komponen prasarana (96.5%), komponen ekonomi (74.3%), komponen perkhidmatan (72.0%) dan komponen modal insan (12.0%).

Jadual 2.206: Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan Pekan

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Pekan		Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan (%)				
	Nama Pekan	Kategori	Ekonomi	Prasarana	Perkhidmatan	Modal Insan	Jumlah
Kulai	1. Sedenak	C	45.5	100.0	46.7	0.0	**48.5**
	2. Seelong	C	63.6	100.0	60.0	0.0	**60.6**
	3. Ayer Bemban	D	66.7	100.0	72.7	0.0	**66.7**
Jumlah			**58.6**	**100.0**	**59.8**	**0.0**	**58.6**
Kota Tinggi	1. Sungai Rengit	C	90.9	100.0	73.3	0.0	**75.8**
	2. Teluk Sengat	C	81.8	100.0	60.0	0.0	**66.7**
	3. Tanjung Sedili	C	72.7	100.0	73.3	33.3	**72.7**
	4. Sri Perani	C	45.5	100.0	40.0	0.0	**45.5**
	5. Petri Jaya	C	36.4	100.0	60.0	0.0	**51.5**
	6. Bandar Mas	C	63.6	100.0	73.3	33.3	**69.7**
	7. Teluk Ramunia	D	66.7	100.0	90.9	0.0	**75.0**
	8. Pengerang	D	100.0	100.0	81.8	0.0	**79.2**
	9. Sedili Besar	D	83.3	100.0	81.8	0.0	**75.0**
Jumlah			**71.2**	**100.0**	**70.5**	**7.4**	**67.9**
Pontian	1. Benut	C	100.0	100.0	93.3	33.3	**90.9**
	2. Ayer Baloi	D	83.3	100.0	100.0	0.0	**83.3**
	3. Kukup	D	83.3	100.0	90.9	33.3	**83.3**
	4. Sanglang	D	83.3	100.0	54.5	0.0	**62.5**
	5. Parit Sikom	D	83.3	75.0	54.5	0.0	**58.3**
	6. Kayu Ara Pasong	D	83.3	100.0	90.9	0.0	**79.2**
	7. Serkat	D	100.0	100.0	81.8	0.0	**79.2**
Jumlah			**88.1**	**96.4**	**80.8**	**9.5**	**76.7**
Kluang	1. Layang-Layang	A	70.6	100.0	81.3	66.7	**78.0**
	2. Renggam	C	81.8	100.0	80.0	33.3	**78.8**
	3. Sri Lalang	C	90.9	100.0	60.0	0.0	**69.7**
	4. Machap	C	81.8	100.0	60.0	0.0	**66.7**
	5. Chamek	D	50.0	100.0	72.7	0.0	**62.5**
	6. Kahang	D	100.0	100.0	90.9	33.3	**87.5**
Jumlah			**79.2**	**100.0**	**74.2**	**22.2**	**73.9**
Batu Pahat	1. Senggarang	A	76.5	80.0	87.5	0.0	**75.6**
	2. Parit Yaani	B	93.3	100.0	68.8	33.3	**79.5**
	3. Sri Medan	C	81.8	100.0	80.0	33.3	**78.8**
	4. Semerah	D	100.0	100.0	90.9	33.3	**87.5**
	5. Kangkar Baru	D	66.7	100.0	54.5	0.0	**58.3**
Jumlah			**83.7**	**96.0**	**76.3**	**20.0**	**75.9**

Jadual 2.206 : Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan Pekan *(Sambungan...)*
Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Pekan		Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan (%)				
	Nama Pekan	Kategori	Ekonomi	Prasarana	Perkhidmatan	Modal Insan	Jumlah
Muar	1. Bukit Pasir	A	82.4	80.0	68.8	33.3	73.2
	2. Gerisik	B	73.3	80.0	62.5	0.0	64.1
	3. Sungai Mati	C	90.9	100.0	80.0	33.3	81.8
	4. Sagil	C	72.7	100.0	80.0	0.0	72.7
	5. Kundang Ulu	C	72.7	100.0	60.0	0.0	63.6
	6. Parit Jawa	C	81.8	100.0	80.0	33.3	78.8
	7. Parit Bakar	D	83.3	75.0	81.8	0.0	70.8
	8. Panchor	D	83.3	100.0	81.8	33.3	79.2
	9. Bukit Kepong	D	83.3	100.0	63.6	33.3	70.8
	10. Lenga	D	66.7	100.0	72.7	66.7	75.0
	11. Bukit Kangkar	D	66.7	100.0	81.8	0.0	70.8
Jumlah			77.9	94.1	73.9	21.2	**72.8**
Tangkak	1. Sengkang	D	66.7	75.0	63.6	0.0	58.3
	2. Serom	D	83.3	100.0	90.9	33.3	83.3
	3. Kebun Baharu	D	66.7	100.0	63.6	0.0	62.5
Jumlah			72.2	91.7	72.7	11.1	**68.0**
Segamat	1. Bekok	A	58.8	100.0	68.8	0.0	63.4
	2. Gemas Baharu	C	72.7	100.0	66.7	0.0	66.7
	3. Batu Anam	C	81.8	100.0	86.7	0.0	78.8
	4. Ayer Panas	C	54.5	100.0	60.0	0.0	57.6
	5. Tenang Station	C	72.7	100.0	73.3	0.0	69.7
	6. Jabi	D	83.3	100.0	63.6	0.0	66.7
	7. Sungai Karas	D	66.7	100.0	54.5	0.0	58.3
Jumlah			70.1	100.0	67.7	0.0	**65.9**
Mersing	1. Endau	A	82.4	100.0	87.5	33.3	82.9
	2. Jemaluang	B	53.3	80.0	56.3	0.0	53.8
Jumlah			67.9	90.0	71.9	16.7	**68.4**
Purata Tahap Kefungsian Pekan			**74.3**	**96.5**	**72.0**	**12.0**	**69.8**


Pekan Senggarang, Batu Pahat

C. Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) ialah pusat perkhidmatan utama di kawasan luar bandar yang berfungsi memberikan perkhidmatan kepada beberapa buah kampung yang terletak secara berkelompok, dengan tampungan penduduk kurang daripada 2,500 orang. PPD mengandungi komponen pembangunan seperti aktiviti ekonomi, kemudahan prasarana, pusat perkhidmatan serta pembangunan modal insan, bagi menyokong kesejahteraan masyarakat luar bandar dan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat.

Perincian Komponen Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

01 Pembangunan Ekonomi

- ✓ Aktiviti perniagaan runcit berskala kecil
- ✓ Kedai makan/restoran

02 Kemudahan Prasarana

- ✓ Perhubungan jalan raya
- ✓ Bekalan Utiliti
- ✓ Hentian pengangkutan awam

03 Pusat Perkhidmatan

- ✓ Kemudahan pendidikan
- ✓ Kemudahan rekreasi
- ✓ Kemudahan keagamaan
- ✓ Kemudahan kesihatan

04 Pembangunan Modal Insan

- ✓ Program pembangunan komuniti



PPD Kampung FELDA Gugusan Adela, Kota Tinggi

1. Fungsi Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di Negeri Johor

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) berfungsi sebagai pusat perkhidmatan dan pertumbuhan luar bandar yang menyokong keperluan penduduk di kampung-kampung dalam kawasan pengaruhnya. PPD berperanan menyediakan kemudahan sosial, prasarana dan perkhidmatan asas, di samping menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi setempat seperti perdagangan, pertanian, agro-makanan dan keusahawanan. Selain itu, PPD turut menyokong pembangunan manusia dan komuniti bagi meningkatkan kualiti hidup, peluang ekonomi serta kesejahteraan penduduk luar bandar.

Perincian Aktiviti Dalam Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)



Pembangunan Ekonomi

- Perniagaan runcit makanan dan minuman
- Perniagaan runcit peralatan rumah
- Perniagaan runcit peralatan pertanian
- Restoran/Kedai makan



Pembangunan Infrastruktur

- Jalan raya
- Bekalan elektrik dan air
- Perkhidmatan telekomunikasi
- Hentian bas



Pusat Perkhidmatan

- Sekolah rendah/SRA/SRJK
- Tadika/Tabika
- Masjid/Kuil/Tokong/Gereja
- Surau
- Tanah perkuburan
- Klinik desa
- Balai raya/Dewan orang ramai
- Kemudahan Sukan
- Ejen bank berdaftar



Pembangunan Modal Insan

- Pusat Komuniti Desa (PKD)

2. Taburan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di Negeri Johor

Negeri Johor mempunyai 44 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang menyokong penyediaan kemudahan, perkhidmatan dan aktiviti ekonomi luar bandar. Batu Pahat mencatatkan jumlah tertinggi dengan 8 PPD, diikuti Kota Tinggi (7), Kluang dan Mersing (5), Pontian dan Segamat (4), Kulai, Muar dan Tangkak masing-masing 3 PPD dan Johor Bahru mempunyai 2 PPD.

Jadual 2.207: Taburan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

JOHOR BAHRU		
1. Kg. Pok	2. Kg. Tanjung Langsat	**2**
KULAI		
1. Kg. Murni Jaya 2. Kg. FELDA Taib Andak	3. Kg. Bukit Batu	**3**
KOTA TINGGI		
1. Kg. Pasir Gogok 2. Kg. Punggai 3. Kg. Mawai Baru 4. Kg. FELCRA Sungai Ara	5. Kg. FELDA Gugusan Adela 6. Kg. FELDA Sungai Sayong 7. Kg. Semanggar	**7**
PONTIAN		
1. Kg. Melayu Raya 2. Kg. Parit Sapran	3. Kg. Sungai Punai 4. Kg. Parit Puteri Menangis	**4**
KLUANG		
1. Kg. Haji Noor Simpang Renggam 2. Kg. Melayu Batu 4 Paloh 3. Kg. Melayu Niyor	4. Kg. Dato' Ibrahim Majid 5. Kg. FELDA Kahang Timur	**5**
BATU PAHAT		
1. Kg. Parit Abdul Rahman 2. Kg. Sungai Tongkang 3. Kg. Parit Haji Talib 4. Kg. Parit Maimon	5. Kg. Parit Jelutong 6. Kg. Parit Lapis Laman 7. Kg. Parit Perpat 8. Kg. Parit Tengah (Pasir Raja)	**8**
MUAR		
1. Kg. Parit Bugis 2. Kg. Batu 14-16	3. Kg. Seri Menanti	**3**
TANGKAK		
1. Kg. Bekoh 2. Kg. Teluk Rimba	3. Kg. Kesang Tasek	**3**
SEGAMAT		
1. Kg. Balai Badang 2. Kg. Desa Temu Jodoh	3. Kg. Melayu Raya 4. Kg. FELCRA Bukit Kepong	**4**
MERSING		
1. Kg. Tenglu Besar 2. Kg. FELDA Tenggaroh 2 3. Kg. Air Merah	4. Kg. FELDA Nitar 5. Kg. Teriang Besar	**5**

3. Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan PPD

Secara keseluruhan, kesemua Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) telah mempunyai tahap kefungsian komponen dan aktiviti pembangunan PPD melebihi 50.0%. Tahap kefungsian PPD bagi keseluruhan PPD di Negeri Johor adalah 82.6% dengan komponen prasarana (95.6%), komponen perkhidmatan (85.4%), komponen ekonomi (76.3%) dan komponen modal insan (30.5%).

Jadual 2.208: Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan PPD

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Nama Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan (%)				
		Ekonomi	Prasarana	Perkhidmatan	Modal Insan	Jumlah
Johor Bahru	1. Kg. Pok	100.0	100.0	77.8	100	88.9
	2. Kg. Tanjung Langsat	75.0	100.0	100.0	0.0	88.9
	Jumlah	**75.0**	**100.0**	**80.6**	**0.0**	**79.2**
Kulai	1. Kg. Murni Jaya	75.0	100.0	77.8	100.0	83.3
	2. Kg. FELDA Taib Andak	100.0	100.0	100.0	0.0	94.4
	3. Kg. Bukit Batu	100.0	100.0	88.9	0.0	88.9
	Jumlah	**91.7**	**100.0**	**88.9**	**33.3**	**88.9**
Kota Tinggi	1. Kg. Pasir Gogok	75.0	75.0	77.8	0.0	72.2
	2. Kg. Punggai	50.0	100.0	77.8	0.0	72.2
	3. Kg. Mawai Baru	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
	4. Kg. FELCRA Sungai Ara	75.0	100.0	88.9	100.0	88.9
	5. Kg. FELDA Gugusan Adela	100.0	75.0	100.0	0.0	88.9
	6. Kg. FELDA Sungai Sayong	75.0	100.0	100.0	0.0	88.9
	7. Kg. Semanggar	100.0	100.0	100.0	0.0	94.4
	Jumlah	**82.1**	**92.9**	**92.1**	**28.6**	**86.5**
Pontian	1. Kg. Melayu Raya	25.0	100.0	88.9	100.0	77.8
	2. Kg. Parit Sapran	75.0	100.0	100.0	100.0	94.4
	3. Kg. Sungai Punai	50.0	100.0	88.9	0.0	77.8
	4. Kg. Parit Puteri Menangis	100.0	100.0	88.9	0.0	88.9
	Jumlah	**62.5**	**100.0**	**91.7**	**50.0**	**84.7**
Kluang	1. Kg. Hj. Noor Simpang Renggam	100.0	100.0	77.8	0.0	83.3
	2. Kg. Melayu Batu 4 Paloh	75.0	100.0	88.9	100.0	88.9
	3. Kg. Melayu Niyor	25.0	75.0	55.6	100.0	55.6
	4. Kg. Dato' Ibrahim Majid	100.0	100.0	88.9	0.0	88.9
	5. Kg. FELDA Kahang Timur	100.0	75.0	100.0	0.0	88.9
	Jumlah	**80.0**	**90.0**	**82.2**	**40.0**	**81.1**
Batu Pahat	1. Kg. Parit Abd. Rahman	50.0	100.0	66.7	0.0	66.7
	2. Kg. Sg. Tongkang	50.0	100.0	55.6	0.0	61.1
	3. Kg. Parit Hj. Talib	50.0	100.0	66.7	0.0	66.7
	4. Kg. Maimon	75.0	100.0	88.9	0.0	83.3
	5. Kg. Parit Jelutong	75.0	100.0	100.0	0.0	88.9
	6. Kg. Parit Lapis Laman	100.0	100.0	66.7	0.0	77.8
	7. Kg. Parit Perpat	100.0	100.0	100.0	0.0	94.4
	8. Kg. Parit Tengah (Parit Raja)	100.0	100.0	100.0	0.0	94.4
	Jumlah	**75.0**	**100.0**	**80.6**	**0.0**	**79.2**

Jadual 2.208: Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan PPD *(Sambungan...)*

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Kajian Lapangan (2026)

Daerah	Nama Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	Tahap Kefungsian Komponen dan Aktiviti Pembangunan (%)				
		Ekonomi	Prasarana	Perkhidmatan	Modal Insan	Jumlah
Muar	1. Kg. Parit Bugis	75.0	100.0	66.7	0.0	72.2
	2. Kg. Batu 14-16	75.0	100.0	100.0	100.0	94.4
	3. Kg. Seri Menanti	75.0	100.0	77.8	0.0	77.8
Jumlah		**75.0**	**100.0**	**81.5**	**33.3**	**81.5**
Tangkak	1. Kg. Bekoh	75.0	100.0	88.9	0.0	83.3
	2. Kg. Teluk Rimba	75.0	100.0	88.9	0.0	83.3
	3. Kg. Kesang Tasek	50.0	75.0	55.6	0.0	55.6
Jumlah		**66.7**	**91.7**	**77.8**	**0.0**	**74.1**
Segamat	1. Kg. Balai Badang	50.0	75.0	77.8	0.0	66.7
	2. Kg. Desa Temu Jodoh	75.0	100.0	100.0	100.0	94.4
	3. Kg. Melayu Raya	50.0	75.0	88.9	0.0	72.2
	4. Kg. FELCRA Bukit Kepong	75.0	75.0	66.7	100.0	72.2
Jumlah		**62.5**	**81.3**	**83.4**	**50.0**	**76.4**
Mersing	1. Kg. Tenglu Besar	75.0	100.0	88.9	0.0	83.3
	2. Kg. FELDA Tenggaroh 2	100.0	100.0	88.9	0.0	88.9
	3. Kg. Air Merah	100.0	100.0	66.7	100.0	83.3
	4. Kg. FELDA Nitar	100.0	100.0	100.0	0.0	94.4
	5. Kg. Teriang Besar	25.0	100.0	88.9	0.0	72.2
Jumlah		**80.0**	**100.0**	**86.7**	**20.0**	**84.4**
Purata Tahap Kefungsian PPD		**76.3**	**95.6**	**85.4**	**30.5**	**82.6**



PPD Kampung Pok, Johor Bahru

D. Petempatan Kampung

Petempatan kampung merujuk kepada kawasan petempatan luar bandar yang mempunyai bilangan penduduk kurang daripada 1,000 orang serta terdiri daripada sekumpulan rumah kediaman yang membentuk sebuah komuniti setempat. Petempatan kampung merupakan petempatan tradisional di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri sosio budaya, fizikal dan ekonomi yang tersendiri. Perkembangannya lazimnya dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi utama masyarakat seperti pertanian, perikanan, perladangan, sumber asli serta aktiviti sosial dan kebudayaan komuniti setempat.

1. Kategori dan Jenis Petempatan Kampung di Negeri Johor

Petempatan kampung di Negeri Johor dikategorikan kepada dua kumpulan utama berdasarkan peranan dan hubungan fungsi dalam hierarki petempatan luar bandar:

Kategori dan Jenis Petempatan Kampung di Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor



Kategori Petempatan Kampung

Dalam konteks hierarki petempatan luar bandar dan perancangan desa, kampung boleh dibezakan berdasarkan fungsi, saiz, tahap kemudahan dan hubungan perkhidmatan kepada komunitinya. Dua kategori utama kampung di Johor ialah Kampung Induk dan Kampung Rangkaian.

Jadual 2.209: Kategori Petempatan di Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor

Kategori Kampung	Definisi	Jumlah
 **Kampung Induk**	Kampung Induk ialah kampung utama yang berfungsi sebagai **pusat pentadbiran dan rujukan** kepada satu atau lebih kampung rangkaian di bawah kawasan pentadbiran yang sama. Kampung ini lazimnya mempunyai **Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK/MPKK),** kemudahan asas dan menjadi pusat penyelarasan aktiviti pentadbiran, sosial serta pembangunan bagi kampung-kampung yang berkaitan.	**865**
 **Kampung Rangkaian**	Kampung Rangkaian ialah kampung yang mempunyai hubungan pentadbiran dengan sebuah Kampung Induk dan diurus di bawah pentadbiran kampung tersebut. Kampung rangkaian biasanya **tidak mempunyai pentadbiran yang berasingan dan berkongsi pengurusan, perkhidmatan atau kemudahan tertentu** dengan Kampung Induk.	**1,756**
Jumlah Keseluruhan Kampung		**2,621**

Jenis Petempatan Kampung

Di Negeri Johor, sebanyak 2,621 kampung diklasifikasikan kepada tujuh (7) jenis berdasarkan ciri penduduk, tahap urbanisasi, kemudahan, ekonomi, corak petempatan, fizikal, lokasi dan fungsi. Jenis kampung tersebut ialah kampung tradisional, kampung baru, penempatan tanah rancangan (FELDA, FELCRA dan RISDA), kampung nelayan, kampung orang asli, kampung estet/ladang dan kampung tersusun. Pengelasan ini menjadi asas dalam perancangan dan pembangunan luar bandar yang lebih sistematik dan bersepadu mengikut keperluan setiap kampung.

Jadual 2.210 : Jenis Petempatan Kampung Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor

Jenis Petempatan		Definisi	Jumlah Kampung	
Kampung Tradisional		Kampung Tradisional merupakan penempatan luar bandar yang berkembang secara organik yang mempunyai kepadatan penduduk yang rendah dengan corak petempatan berjajar atau berkelompok, dipengaruhi oleh faktor fizikal dan aktiviti ekonomi	2,272	
Kampung Orang Asli		Kampung Orang Asli ialah petempatan luar bandar yang didiami oleh masyarakat Orang Asli dan terletak berhampiran kawasan hutan atau sumber semula jadi dan dilengkapi dengan kemudahan asas bagi menyokong kehidupan penduduk	61	
Kampung Tersusun		Kampung Tersusun merupakan petempatan luar bandar yang dibangunkan secara terancang melalui penyusunan penempatan penduduk dengan susun atur lot, jaringan jalan dan kemudahan asas yang lebih sistematik	19	
Kampung Baru		Kampung Baru ialah petempatan luar bandar yang didiami oleh masyarakat Cina yang terletak berhampiran kawasan ladang getah, kawasan perlombongan dan bandar sedia ada	111	
Petempatan Tanah Rancangan	FELDA	Petempatan Tanah Rancangan dibangunkan secara terancang oleh kerajaan atau agensi pembangunan tanah bertujuan penempatan penduduk serta pembangunan sektor pertanian dan perladangan	77	87
	FELCRA		9	
	RISDA		1	
Kampung Nelayan		Kampung Nelayan ialah petempatan luar bandar yang majoriti penduduknya menjalankan aktiviti perikanan sebagai sumber ekonomi utama, sama ada perikanan laut, pesisir pantai, muara atau perairan daratan	28	
Kampung Estet/ Ladang		Kampung Estet/Ladang merupakan petempatan luar bandar yang terletak di dalam kawasan estet atau ladang dan dibangunkan bagi menempatkan pekerja ladang serta keluarga mereka	43	
Jumlah Keseluruhan Petempatan Kampung			2,621	



Kampung Teluk Rimba, Tangkak

2. Taburan Petempatan Kampung di Negeri Johor

Negeri Johor mempunyai 2,621 buah kampung terdiri dari 2 kategori kampung iaitu kampung induk dan kampung rangkaian dan juga dipecahkan kepada 7 jenis petempatan kampung yang didominasi oleh kampung tradisional. Majoriti kampung tradisional merupakan kampung induk yang sebahagian besar kedudukan geografinya di sebelah pantai barat Johor dari daerah Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Pontian.

Jadual 2.211: Taburan Petempatan Kampung Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor

Daerah	Jenis Petempatan Kampung															
	Tradisional		Orang Asli		Tersusun		Baru		Petempatan Tanah Rancangan		Nelayan		Estet/ Ladang		Jumlah	
	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R
Johor Bahru	35	99	8	0	4	5	6	6	3	0	4	2	0	0	**60**	**112**
	134		**8**		**9**		**12**		**3**		**6**		**0**		**172**	
Kulai	14	19	0	0	3	3	9	0	3	3	0	0	0	1	**29**	**26**
	33		**0**		**6**		**9**		**6**		**0**		**1**		**55**	
Kota Tinggi	28	81	5	0	0	1	7	3	30	1	1	1	0	0	**71**	**87**
	109		**5**		**1**		**10**		**31**		**2**		**0**		**158**	
Pontian	85	316	2	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	**87**	**318**
	401		**2**		**0**		**2**		**0**		**0**		**0**		**405**	
Kluang	37	89	12	0	0	0	16	1	8	0	0	0	0	9	**73**	**99**
	126		**12**		**0**		**17**		**8**		**0**		**9**		**172**	
Batu Pahat	172	474	6	0	1	0	17	3	1	0	0	0	0	4	**197**	**481**
	646		**6**		**1**		**20**		**1**		**0**		**4**		**678**	
Muar	95	274	6	0	0	0	8	3	6	0	0	0	0	7	**115**	**284**
	369		**6**		**0**		**11**		**6**		**0**		**7**		**399**	
Tangkak	70	129	3	0	0	0	16	1	2	2	0	0	3	2	**94**	**134**
	199		**3**		**0**		**17**		**4**		**0**		**5**		**228**	
Segamat	52	137	9	1	2	0	8	1	12	2	0	0	4	13	**87**	**154**
	189		**10**		**2**		**9**		**14**		**0**		**17**		**241**	
Mersing	18	48	9	0	0	0	4	0	14	0	7	13	0	0	**52**	**61**
	66		**9**		**0**		**4**		**14**		**20**		**0**		**113**	
Jumlah	**606**	**1,666**	**60**	**1**	**10**	**9**	**91**	**20**	**79**	**8**	**12**	**16**	**7**	**36**	**865**	**1,756**
	2,272		**61**		**19**		**111**		**87**		**28**		**43**		**2,621**	
Peratus (%)	**86.68**		**2.33**		**0.72**		**4.24**		**3.32**		**1.07**		**1.64**		**100**	

Nota: I - Kampung Induk; R - Kampung Rangkaian



Kampung Sungai Lurus, Batu Pahat

3. Taburan Petempatan Kampung Orang Asli di Negeri Johor

Negeri Johor mempunyai 61 buah Kampung Orang Asli (KOA) yang majoritinya terdiri daripada kumpulan utama orang asli di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu Proto. Kumpulan ini mempunyai 6 suku kaum iaitu Temuan, Jakun, Semelai, Kanaq, Kuala dan Seletar yang mendiami kawasan pedalaman pinggir (Kluang, Mersing, Segamat, Tangkak) dan berhampiran badan air seperti laut dan sungai (Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Tinggi, Muar, Pontian).

Jadual 2.212 : Taburan Petempatan Kampung Orang Asli Negeri Johor

Sumber: Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; JAKOA (2026)

Daerah	Suku Kaum	Nama Kampung Orang Asli (KOA)		Jumlah
Johor Bahru	Suku Seletar	1. KOA Bakar Batu 2. KOA Simpang Arang 3. KOA Parit Salam 4. KOA Telok Kabung	5. KOA Pasir Putih 6. KOA Kuala Masai 7. KOA Teluk Jawa 8. KOA Sungai Temon	**8**
Kulai	-	-		**0**
Kota Tinggi	Suku Kanaq	1. KOA Sungai Selangi		**5**
	Suku Kuala	1. KOA Sungai Layau		
	Suku Jakun	1. KOA Kempas Menang 2. KOA Pasir Intan	3. KOA Sayong Pinang	
Pontian	Suku Kuala	1. KOA Mahkota	2. KOA Kuala Benut Baru	**2**
Kluang	Suku Jakun	1. KOA Punjut 2. KOA Seri Kenangan 3. KOA Berasau 4. KOA Sedohok 5. KOA Sri Tanjung 6. KOA Sungai Peroh	7. KOA Pucur 8. KOA Tanah Runtuh 9. KOA Pengkalan Tereh 10. KOA Air Pasir 11. KOA Kuala Sengka 12. KOA Layang-Layang	**12**
Batu Pahat	Suku Kuala	1. KOA Sri Pantai 2. KOA Desa Sri Banang 3. KOA Dalam	4. KOA Kangkar Senangar 5. KOA Sejagong 6. KOA Bumiputra Dalam	**6**
Muar	Suku Temuan	1. KOA Batang Lesa 2. KOA Sentosa 3. KOA Sungai Puyu	4. KOA Bukit Panjang 5. KOA Tambak Dapor 6. KOA Searak Api	**6**
Tangkak	Suku Temuan	1. KOA Tanah Gembor 2. KOA Air Tawas	3. KOA Sungai Mering	**3**
Segamat	Suku Jakun	1. KOA Lenek 2. KOA Tamok 3. KOA Kudong 4. KOA Sri Tembayan 5. KOA Selai	6. KOA Kemidak 7. KOA Ulu Juaseh 8. KOA Seputing 9. KOA Peta 10. KOA Segamat Kecil	**10**
Mersing	Suku Jakun	1. KOA Sungai Tuba 2. KOA Pengkalan Bukit 3. KOA Sungai Padang 4. KOA Labong 5. KOA Tanjung Tuan	6. KOA Peta 7. KOA Tanah Abang 8. KOA Tewowoh 9. KOA Punan	**9**
Jumlah Keseluruhan				**61**



Kampung Orang Asli (KOA) Peta, Mersing



Catatan:
Sempadan 3 batu nautika

Rajah 2.179:
Pelan Taburan Jenis Petempatan Kampung Negeri Johor

Sumber : Kajian Rancangan Struktur Negeri Johor 2040 (Kajian Semula)

Petunjuk

Jenis Petempatan Kampung

- Kampung Tradisional
- Kampung Tersusun
- Kampung Nelayan
- Kampung Baru
- Kampung Orang Asli
- Kampung Ladang/Estet

Petempatan Tanah Rancangan

- FELDA
- FELCRA
- RISDA

Lain - Lain

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Kereta Api Sedia Ada

4. Jenis Ekonomi Petempatan Kampung

Terdapat enam jenis ekonomi luar bandar yang utama di Negeri Johor berdasarkan jenis kampung seperti pertanian, perladangan, perikanan, perniagaan, hasil hutan dan perkhidmatan. Aktiviti pertanian didominasi oleh kampung tradisional dan kampung orang asli. Bagi aktiviti perladangan seperti kelapa sawit dan getah didominasi oleh petempatan tanah rancangan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA serta kampung estet/ladang. Kampung tersusun dan kampung baru majoritinya menjalankan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan.

Jenis Ekonomi Kampung di Negeri Johor

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Dasar Pembangunan Luar Bandar; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor





Kampung FELCRA Sekijang, Segamat

5. Penyediaan Infrastruktur Kampung

Empat jenis infrastruktur asas telah dibangunkan dan disediakan iaitu sistem perhubungan jalan, bekalan elektrik, bekalan air dan liputan rangkaian telekomunikasi di seluruh jenis petempatan kampung luar bandar di Negeri Johor.

A. Infrastruktur Sistem Perhubungan Jalan

Majoriti kawasan kampung di Negeri Johor telah dilengkapkan infrastruktur sistem perhubungan jalan menerusi pembangunan jalan berturap terutamanya bagi kampung induk. Terdapat sebilangan kecil jumlah kampung terutamanya kampung rangkaian yang masih di tahap penyediaan sistem perhubungan jalan separa berturap dan tidak berturap.

Jadual 2.213: Penyediaan Infrastruktur Sistem Perhubungan Jalan

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Sistem Perhubungan Jalan					
	Berturap		Separa Turap		Tidak Berturap	
	Induk	Rangkaian	Induk	Rangkaian	Induk	Rangkaian
Johor Bahru	52	99	8	13	0	0
	151		**21**		**0**	
Kulai	29	19	0	6	0	1
	48		**6**		**1**	
Kota Tinggi	66	81	5	6	0	0
	147		**11**		**0**	
Pontian	85	316	2	2	0	0
	401		**4**		**0**	
Kluang	61	89	12	1	0	9
	150		**13**		**9**	
Batu Pahat	191	474	6	3	0	4
	665		**9**		**4**	
Muar	109	274	6	3	0	7
	383		**9**		**7**	
Tangkak	88	129	6	3	0	2
	217		**9**		**2**	
Segamat	74	137	13	3	0	14
	211		**16**		**14**	
Mersing	43	48	9	13	0	0
	91		**22**		**0**	
Jumlah	**798**	**1,666**	**67**	**53**	**0**	**37**
Jumlah Keseluruhan	**2,464**		**120**		**37**	







B. Infrastruktur Bekalan Elektrik

Majoriti kawasan kampung di Negeri Johor telah dilengkapkan infrastruktur bekalan elektrik menerusi penyediaan bekalan dari sumber grid elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) terutamanya bagi kampung induk. Terdapat sebilangan kecil jumlah kampung di pendalaman Johor seperti kampung Orang Asli dan juga kampung estet/ladang yang masih di tahap penyediaan bekalan elektrik menggunakan tenaga hidro, solar dan generator.

Jadual 2.214: Penyediaan Infrastruktur Bekalan Elektrik

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Bekalan Elektrik			
	Grid TNB		Hidro/Solar/ Generator	
	Induk	Rangkaian	Induk	Rangkaian
Johor Bahru	60	112	0	0
	172		**0**	
Kulai	29	26	0	0
	55		**0**	
Kota Tinggi	66	87	5	0
	153		**5**	
Pontian	85	318	2	0
	403		**2**	
Kluang	61	99	12	0
	160		**12**	
Batu Pahat	191	481	6	0
	672		**6**	
Muar	109	284	6	0
	393		**6**	
Tangkak	91	134	3	0
	225		**3**	
Segamat	78	153	9	1
	231		**10**	
Mersing	43	48	9	13
	91		**22**	
Jumlah	**813**	**1,742**	**52**	**14**
Jumlah Keseluruhan	**2,555**		**66**	



C. Infrastruktur Bekalan Air

Majoriti kawasan kampung di Negeri Johor telah dilengkapkan infrastruktur bekalan air menerusi penyediaan bekalan dari sumber air terawat yang disalurkan oleh Syarikat Air Johor (SAJ) terutamanya bagi kampung induk. Terdapat sebilangan kecil jumlah kampung di pendalaman Johor seperti kampung Orang Asli dan juga kampung estet/ladang yang masih di tahap penyediaan bekalan air tidak terawat menggunakan sumber air dari telaga, sungai, hujan dan mata air.

Jadual 2.215: Penyediaan Infrastruktur Bekalan Air

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Bekalan Air			
	Air Terawat		Air Tidak Terawat	
	Induk	Rangkaian	Induk	Rangkaian
Johor Bahru	60	112	0	0
	172		**0**	
Kulai	29	26	0	0
	55		**0**	
Kota Tinggi	66	87	5	0
	153		**5**	
Pontian	85	318	2	0
	403		**2**	
Kluang	61	99	12	0
	160		**12**	
Batu Pahat	191	481	6	0
	672		**6**	
Muar	109	284	6	0
	393		**6**	
Tangkak	91	134	3	0
	225		**3**	
Segamat	78	153	9	1
	231		**10**	
Mersing	40	48	12	13
	88		**25**	
Jumlah	**810**	**1,742**	**55**	**14**
Jumlah Keseluruhan	**2,552**		**69**	



D. Infrastruktur Liputan Rangkaian Telekomunikasi

Liputan rangkaian telekomunikasi luar bandar di setiap daerah di Negeri Johor menunjukkan bahawa kesemua kampung telah menerima liputan rangkaian telekomunikasi 4G sekali gus menunjukkan tahap capaian komunikasi yang baik bagi menyokong keperluan penduduk luar bandar. Kira-kira 41 peratus buah kampung telah menerima limpahan pembangunan menerusi liputan rangkaian 5G terutamanya di kawasan perbandaran utama seperti Johor Bahru dan lain-lain bandar di Negeri Johor.

Jadual 2.223 : Penyediaan Infrastruktur Liputan Rangkaian Telekomunikasi

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Liputan Rangkaian Telekomunikasi			
	4G		4G+5G	
	Induk	Rangkaian	Induk	Rangkaian
Johor Bahru	0	0	60	112
	0		**172**	
Kulai	14	17	15	9
	31		**24**	
Kota Tinggi	49	63	22	24
	112		**46**	
Pontian	59	247	28	71
	306		**99**	
Kluang	46	50	27	49
	160		**76**	
Batu Pahat	161	399	36	82
	560		**118**	
Muar	85	224	30	60
	309		**90**	
Tangkak	67	111	27	23
	178		**50**	
Segamat	56	108	31	46
	164		**77**	
Mersing	42	55	10	6
	97		**16**	
Jumlah	**579**	**1,274**	**338**	**430**
Jumlah Keseluruhan	**1,863**		**768**	




E. Tahap Penyediaan Infrastruktur Kampung Induk dan Kampung Rangkaian

Secara keseluruhannya, sebanyak 2,492 kampung induk dan kampung rangkaian (95.1%) mempunyai lebih dari 4 jenis infrastruktur, manakala 129 kampung (4.9%) mempunyai 3 jenis infrastruktur sahaja. Antara penyediaan infrastruktur yang dibangunkan di kampung induk adalah sistem perhubungan jalan, bekalan elektrik, bekalan air dan liputan rangkaian telekomunikasi.

Jadual 2.217 : Jumlah Penyediaan Infrastruktur Kampung Induk dan Kampung Rangkaian

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Jumlah Penyediaan Infrastruktur di Kampung Induk dan Kampung Rangkaian							
	Tanpa Infrastruktur		Satu (1) – Dua (2) Infrastruktur		Tiga (3) Infrastruktur		Lebih Dari Empat (4) Infrastruktur	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Batu Pahat	0	0.0	0	0.0	13	0.5	665	25.4
Johor Bahru	0	0.0	0	0.0	0	0.0	172	6.6
Kluang	0	0.0	0	0.0	22	0.8	150	5.7
Kota Tinggi	0	0.0	0	0.0	11	0.4	147	5.6
Mersing	0	0.0	0	0.0	22	0.8	91	3.5
Muar	0	0.0	0	0.0	16	0.6	383	14.6
Pontian	0	0.0	0	0.0	4	0.2	401	15.3
Segamat	0	0.0	0	0.0	30	1.1	211	8.1
Kulai	0	0.0	0	0.0	0	0.0	55	2.1
Tangkak	0	0.0	0	0.0	11	0.4	217	8.3
Jumlah	**0**	**0.0**	**0**	**0.0**	**129**	**4.9**	**2,492**	**95.1**



Majoriti daerah mempunyai tahap penyediaan infratruktur kampung induk dan kampung rangkaian di tahap lengkap iaitu 95.1% dengan penyediaan lebih dari 4 jenis infrastruktur utama, manakala hanya 4.9% di tahap separa lengkap penyediaan infrastruktur dengan 3 jenis infrastruktur sahaja dengan fokus penyediaan boleh ditumpukan di kampung-kampung rangkaian di daerah Segamat, Mersing, Kluang, dan beberapa daerah lain.

Jadual 2.218: Tahap Penyediaan Infrastruktur Mengikut Daerah

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Tahap Penyediaan Infrastruktur di Kampung Induk dan Kampung Rangkaian					
	Tidak Lengkap		Separa Lengkap		Lengkap	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Batu Pahat	0	0.0	13	0.5	665	25.4
Johor Bahru	0	0.0	0	0.0	172	6.6
Kluang	0	0.0	22	0.8	150	5.7
Kota Tinggi	0	0.0	11	0.4	147	5.6
Mersing	0	0.0	22	0.8	91	3.5
Muar	0	0.0	16	0.6	383	14.6
Pontian	0	0.0	4	0.2	401	15.3
Segamat	0	0.0	30	1.1	211	8.1
Kulai	0	0.0	0	0.0	55	2.1
Tangkak	0	0.0	11	0.4	217	8.3
Jumlah	**0**	**0.0**	**129**	**4.9**	**2,492**	**95.1**

6. Penyediaan Kemudahan Kampung

Dua kategori kemudahan telah dibangunkan dan disediakan iaitu kemudahan utama dan kemudahan sokongan di seluruh jenis petempatan kampung luar bandar di Negeri Johor. Kemudahan utama terdiri daripada keagamaan, pendidikan, kemudahan awam, keselamatan, dan kesihatan. Kemudahan sokongan terdiri daripada perkuburan, aktiviti kerajaan dan kebajikan masyarakat. Keseluruhan kampung induk di Negeri Johor mempunyai tahap kemudahan utama yang lengkap, dan bagi kampung-kampung rangkaian, ia bergantung kepada kemudahan-kemudahan utama di kampung induk mereka masing-masing kerana lokasi majoriti penyediaan kemudahan-kemudahan berikut berada di kampung induk.

A. Kemudahan Utama Kampung


Keseluruhan 865 buah kampung induk di Negeri Johor mempunyai taburan kemudahan utama yang lengkap seperti keagamaan, pendidikan, kemudahan awam, keselamatan, dan kesihatan. Sebanyak 5,799 kemudahan utama disediakan di seluruh kampung Negeri Johor. Kemudahan awam (2,060) dan keagamaan (1,962) mencatatkan jumlah tertinggi, diikuti pendidikan (1,374), kesihatan (304) dan keselamatan (99). Dalam konteks daerah, Batu Pahat mempunyai jumlah kemudahan utama tertinggi dengan 1,406 kemudahan.

Jadual 2.219 : Penyediaan Jenis Kemudahan Utama

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Jenis Kemudahan Utama										Jumlah	
	Keagamaan		Pendidikan		Kemudahan Awam		Keselamatan		Kesihatan			
	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R	I	R
Johor Bahru	62	70	82	52	88	54	6	3	6	3	244	182
	132		134		142		9		9		426	
Kulai	85	44	33	6	224	24	12	3	38	3	392	80
	129		39		248		15		41		472	
Kota Tinggi	83	45	157	8	223	75	12	3	38	3	513	134
	128		165		298		15		41		647	
Pontian	103	128	92	69	86	66	0	2	15	15	296	280
	231		161		152		2		30		576	
Kluang	76	51	100	26	164	55	7	1	18	4	365	137
	127		126		219		8		22		502	
Batu Pahat	292	285	235	104	240	189	4	5	35	17	806	600
	577		339		429		9		52		1,406	
Muar	119	179	91	82	56	54	7	3	27	13	300	331
	298		173		110		10		40		631	
Tangkak	98	70	80	12	108	64	9	2	23	4	318	152
	168		92		172		11		27		470	
Segamat	59	52	35	27	118	52	13	3	22	6	247	140
	111		62		170		16		28		387	
Mersing	39	22	64	19	95	25	3	1	10	4	211	71
	61		83		120		4		14		282	
Jumlah	1,016	946	969	405	1,402	658	73	26	232	72	3,692	2,107
	1,962		1,374		2,060		99		304		5,799	

Nota:
I - Kampung Induk
R - Kampung Rangkaian



B. Kemudahan Sokongan Kampung


Sebanyak 700 kemudahan sokongan disediakan di seluruh kampung Negeri Johor. Kemudahan perkuburan (518) dan aktiviti kerajaan (175) mencatatkan jumlah tertinggi. Dalam konteks daerah, Batu Pahat mempunyai jumlah kemudahan sokongan tertinggi dengan 157 kemudahan.

Jadual 2.220: Penyediaan Jenis Kemudahan Sokongan

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Jenis Kemudahan Sokongan						Jumlah	
	Perkuburan		Aktiviti Kerajaan		Kebajikan Masyarakat			
	I	R	I	R	I	R	I	R
Johor Bahru	15	10	3	1	1	0	19	11
	25		4		1		30	
Kulai	32	10	48	3	1	0	81	13
	42		51		1		94	
Kota Tinggi	32	10	48	3	1	0	81	13
	42		51		1		94	
Pontian	36	45	2	3	0	0	38	48
	81		5		0		86	
Kluang	18	11	7	1	0	0	25	12
	29		8		0		37	
Batu Pahat	84	66	5	2	0	0	89	68
	150		7		0		157	
Muar	20	29	8	4	0	0	28	33
	49		12		0		61	
Tangkak	23	17	3	0	1	0	27	0
	40		3		1		44	
Segamat	24	23	5	8	0	1	29	32
	47		13		1		61	
Mersing	8	5	14	7	2	0	24	12
	13		21		2		36	
Jumlah	292	226	143	32	6	1	458	242
	518		175		7		700	

Nota:
I - Kampung Induk
R - Kampung Rangkaian




Kampung Baru Chamek, Kluang


c. Tahap Penyediaan Kemudahan Kampung Induk

Secara keseluruhannya, sebanyak 846 kampung (97.8%) mempunyai lebih dari 3 jenis kemudahan, manakala 19 kampung (2.2%) mempunyai 2 jenis kemudahan sahaja. Antara penyediaan kemudahan utama yang dibangunkan di kampung induk adalah kemudahan kegamaan, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan kemudahan awam.

Jadual 2.221: Jumlah Penyediaan Kemudahan di Kampung Induk

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Jumlah Penyediaan Kemudahan di Kampung Induk							
	Tanpa Kemudahan		Satu (1) Kemudahan		Dua (2) Kemudahan		Lebih Dari Tiga (3) Kemudahan	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Batu Pahat	0	0.0	0	0.0	0	0.0	197	22.8
Johor Bahru	0	0.0	0	0.0	0	0.0	60	6.9
Kluang	0	0.0	0	0.0	0	0.0	73	8.4
Kota Tinggi	0	0.0	0	0.0	0	0.0	71	8.2
Mersing	0	0.0	0	0.0	7	0.8	45	5.2
Muar	0	0.0	0	0.0	11	1.3	104	12.0
Pontian	0	0.0	0	0.0	0	0.0	87	10.1
Segamat	0	0.0	0	0.0	0	0.0	87	10.1
Kulai	0	0.0	0	0.0	1	0.1	28	3.2
Tangkak	0	0.0	0	0.0	0	0.0	94	10.9
Jumlah	**0**	**0.0**	**0**	**0.0**	**19**	**2.2**	**846**	**97.8**



Majoriti daerah mempunyai tahap penyediaan kemudahan kampung induk di tahap lengkap iaitu 97.8% dengan penyediaan lebih dari 3 jenis kemudahan utama, manakala hanya 2.2% di tahap separa lengkap penyediaan kemudahan dengan fokus penyediaan boleh ditumpukan di kampung tradisional dan kampung orang asli di daerah Muar dan Mersing.

Jadual 2.222: Tahap Penyediaan Kemudahan Mengikut Daerah

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Johor; Kajian Desk Study (2026)

Daerah	Tahap Penyediaan Kemudahan di Kampung Induk					
	Tidak Lengkap		Separa Lengkap		Lengkap	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Batu Pahat	0	0.0	0	0.0	197	22.8
Johor Bahru	0	0.0	0	0.0	60	6.9
Kluang	0	0.0	0	0.0	73	8.4
Kota Tinggi	0	0.0	0	0.0	71	8.2
Mersing	0	0.0	7	0.8	45	5.2
Muar	0	0.0	11	1.3	104	12.0
Pontian	0	0.0	0	0.0	87	10.1
Segamat	0	0.0	0	0.0	87	10.1
Kulai	0	0.0	1	0.1	28	3.2
Tangkak	0	0.0	0	0.0	94	10.9
Jumlah	**0**	**0.0**	**19**	**2.2**	**846**	**97.8**

2.19 INFRASTRUKTUR UTILITI DAN PENGURUSAN SISA NEGERI JOHOR

A. Bekalan Air

Pengurusan bekalan air di negeri Johor digerakkan secara mampan dan bersepadu melalui sinergi Ranhill SAJ (RSAJ) sebagai operator utama yang bertanggungjawab merawat serta mengagihkan bekalan air kepada pengguna, Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) yang berperanan menjaga dan mengawal selia sumber air mentah di peringkat negeri, serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selaku badan pengawal selia peringkat persekutuan yang memastikan pematuhan standard kualiti dan kecekapan perkhidmatan secara holistik.

Jadual 2.223 : Senarai Loji Rawatan Air (LRA) Negeri Johor

Sumber : Ranhill SAJ, 2026

Nama Loji Rawatan Air	Kapasiti (JLH) RSAJ	Sumber Air	Daerah / Kawasan Bekalan
Air Panas A	14.08	Sungai Juaseh, Sungai Sawah Baru	Segamat
Air Panas C	26.46	Sungai Juaseh	Segamat
Bandar Tenggara	27.26	Sungai Pengeli	Kota Tinggi / Kluang
Batu 2	3.18	Sungai Pelepah	Kota Tinggi
Bukit Batu	2.27	Sungai Pontian Besar	Kulai
Bukit Hampar	14.18	Sungai Segamat	Buluh Kasap, Batu Anam, Gemas
Bukit Serampang	8.00	Sungai Muar	Muar
Endau	10.00	Labong	Mersing
Gersik	62.20	Sungai Muar	Muar
Gombang	3.18	Sungai Muar	Muar
Gunung Ledang	13.64	Gunung Ledang	Tangkak
Gunung Pulai	81.83	Gunung Pulai 2, Pontian Kechil	Pontian / Johor Bahru
Jementah	2.27	Sungai Jementah	Segamat
Kahang Baru	3.18	Sungai Kahang	Kluang
Kahang Timur	5.46	Sungai Kahang	Kluang
Kampung Tengah 1	13.00	Sungai Segamat	Buluh Kasap, Batu Anam, Gemas
Kampung Tengah 2	31.36	Sungai Segamat	Pekan Jabi, Kawasan Industri Bukit Siput
Linggiu	1.82	Sungai Johor	Kota Tinggi
Lok Heng	9.46	Sungai Sedili Kecil	Kota Tinggi
Sungai Mersing (Mersing Batu 7)	10.00	Sungai Mersing	Mersing
Nitar	4.55	Sungai Lenggor	Mersing
Palong Timur	6.62	Sungai Muar	Segamat
Panchor 1	12.70	Sungai Muar	Parit Jawa & Parit Yusof (Batu Pahat)

Jadual 2.223 : Senarai Loji Rawatan Air (LRA) Negeri Johor *(Sambungan…)*

Sumber : Ranhill SAJ, 2026

Nama Loji Rawatan Air	Kapasiti (JLH)	Sumber Air	Daerah / Kawasan Bekalan
Panchor 2	36.36	Sungai Muar	Bandar Muar
Panchor 3	36.36	Sungai Muar	Muar
Panchor 4	18.18	Sungai Muar	Muar
Parit Raja 4	63.64	Bekok	Batu Pahat
Pemanis	2.27	Sungai Segamat	Segamat
Semangar	318.23	Sungai Johor	Johor Bahru / Kulaijaya
Sembrong Barat	80.00	Sembrong Barat	Kluang
Sembrong Timur	28.15	Sembrong Barat, Sungai Sembrong	Kluang
Sg Gembut	9.09	Sungai Gembut	Kota Tinggi
Sg Johor	318.23	Sungai Johor	Kota Tinggi
Sultan Iskandar (Sg Layang)	538.00	Upper Layang Dam	Johor Bahru
Sg Lebam	81.80	Lebam	Johor Bahru
Sg Sayong 1	13.64	Sungai Sayong	Kota Tinggi
Sg Sayong 2	31.62	Sungai Sayong	Kota Tinggi
Sultan Ismail (Sg Skudai)	68.19	Sungai Skudai	Kota Tinggi
Simpang Renggam	64.00	Sungai Benut	Johor Bahru
Sri Gading	72.10	Bekok	Batu Pahat
Tenggaroh	11.37	Sungai Sedili Besar	Mersing
Tenglu	15.00	Congok	Mersing
Yong Peng 2	36.37	Bekok	Batu Pahat & Yong Peng
Yong Peng 3	48.19	Bekok	Batu Pahat & Yong Peng
Pagoh	40.00	Sungai Muar	Pekan Pagoh, Industri Pagoh, Taman Pagoh Jaya, Kangkar Senanga, Bkt Serampang, Panchor, Sungai Balang, Parit Jawa, Jln Bkt Mor, Jln Hj Kosai, Sri Menanti, Jln Bakri, Sg Gersik dan Industri Parit Jamil
Buloh Kasap	16.00	Ulu Sungai Muar	Taman Yayasan 1 & 2, Pekan Buloh Kasap, Kampung Kuala Paya, Jalan UiTM, Batu Anam & Gemas Baru
Kahang	40.00	Kahang	Kluang

2,375

JUMLAH KAPASITI KESELURUHAN

Diukur dalam unit JLH (Juta Liter Sehari)

47

JUMLAH LOJI TERSENARAI

Fasiliti LRA aktif yang menampung seluruh negeri Johor

5 Loji Rawatan Air (LRA) Berkapasiti Tinggi

Sumber : Ranhill SAJ, 2026

Nama Loji & Kawasan Bekalan	Kapasiti (JLH)
Sultan Iskandar (Sg Layang) Sumber: Upper Layang Dam | Bekalan: Johor Bahru	538.00
Semangar Sumber: Sungai Johor | Bekalan: Johor Bahru / Kulaijaya	318.23
Sg Johor Sumber: Sungai Johor | Bekalan: Kota Tinggi	318.23
Sultan Ismail (Sg Skudai) Sumber: Sungai Skudai | Bekalan: Kota Tinggi	88.19
